



PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
*Office of the Chief Registrar*  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
*Federal Court of Malaysia*  
ISTANA KEHAKIMAN  
PRESINT 3  
62506 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88803782  
03-88803500  
03-88803700  
Faks : 03-88803886

Laman Web : <http://www.kehakiman.gov.my>

Ruj Tuan :  
Your Ref :

Ruj. Kami :  
Our Ref :

Tarikh :  
Date

(6)dlm.JK/MP 23 Jld.6

Disember 2010

24

Semua Hakim Mahkamah Sesyen  
Mahkamah Sesyen  
Seluruh Malaysia

Timbalan Pendaftar  
Mahkamah Tinggi  
Seluruh Malaysia

Majistret  
Mahkamah Majistret  
Seluruh Malaysia

Penolong Kanan Pendaftar  
Mahkamah Tinggi  
Seluruh Malaysia

Y.Bhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**STATUS KES PRA 2009 (TERMASUK KES TAHUN 2009) BAGI KES-KES  
SIVIL DAN JENAYAH DI MAHKAMAH**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana semua pihak sedia maklum, pihak mahkamah kini adalah di dalam langkah untuk melupuskan kes-kes pra 2009 (termasuk kes tahun 2009) sehingga Jun 2011 sepertimana di dalam surat arahan daripada Hakim Besar Malaya bertarikh 10 Disember 2010.

3. Oleh yang demikian, bagi tujuan pemantauan oleh Pejabat Ketua Pendaftar, pihak-pihak adalah diarahkan untuk menghantar 50 kes paling lama berdasarkan *Ageing List* bulanan di mahkamah masing-masing mengikut format yang disediakan. Bagi mahkamah-mahkamah yang masih mempunyai kes-kes pra 2000, semua status kes-kes tersebut adalah perlu dihantar walaupun jika ianya melebihi jumlah yang telah ditetapkan di atas.

*(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab surat ini)*

4. Namun begitu adalah dinasihatkan setiap Mahkamah untuk memantau kes-kes pra 2009 yang tidak termasuk dalam 50 kes tersebut dengan menyediakan status kes dalam format yang sama dan dipantau secara berkala oleh Mahkamah masing-masing. Data-data tersebut tidak perlu dihantar ke Pejabat Ketua Pendaftar kecuali jika diminta.

5. Status kes-kes tersebut mengikut mahkamah masing-masing mestilah disediakan berdasarkan format seperti di **LAMPIRAN A** bagi kes-kes sivil dan **LAMPIRAN B** bagi kes-kes jenayah dan hendaklah disediakan menggunakan Microsoft PowerPoint. Sila rujuk contoh yang diberikan untuk mendapatkan gambaran yang jelas berkenaan cara mengisi format tersebut. Status kes yang telah siap diisi hendaklah dihantar kepada Unit Statistik melalui emel sebelum atau pada 10 haribulan pada setiap bulan kepada alamat yang berikut :


- a) [statistik.mt@kehakiman.gov.my](mailto:statistik.mt@kehakiman.gov.my)
- b) [statistik.ms@kehakiman.gov.my](mailto:statistik.ms@kehakiman.gov.my)
- c) [statistik.mm@kehakiman.gov.my](mailto:statistik.mm@kehakiman.gov.my)

6. Kerjasama daripada semua pihak amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

  
**(DATU' HASHIM BIN HAMZAH)**  
Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

s.k. Ketua Hakim Negara

Hakim Besar Malaya

Hakim Besar Sabah dan Sarawak

Timbalan Ketua Pendaftar

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya

Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak